



اَوْنَبُوْرُ سَيِّدِي تَيَكْنُوْلُوْجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Pengurusan
dan Perniagaan

FB2

Newspaper Highlight 2022

February



3 February 2022

by: Dr. Mohd Hafiz Zulfakar

Tingkat kewaspadaan bendung kluster pendidikan



Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UITM)
Kampus Puncak Alam

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar
bhrencana@bh.com.my

Peningkatan mendadak kluster pendidikan semakin ketara sejak sesi persekolahan dibuka semula. Setakat 26 Januari lalu, sebanyak 107 kluster pendidikan dikesan dengan jumlah kes menghampiri angka 5,000.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, menyatakan separuh daripada kluster terdiri kategori Institusi pendidikan Kementerian Pendidikan (KPM) dengan 52.3 peratus.

Kategori ini difahami membabitkan mereka yang berada dalam ekosistem Institut Pendidikan Guru (IPG), kolej matrikulasi dan sekolah. Namun paling membimbangkan, kes jangkitan dalam kalangan warga sekolah iaitu peringkat rendah dan menengah.

Antara punca utama dikaitkan peningkatan kes kluster ini adalah ketidakpatuhan prosedur operasi standard (SOP) ketika di sekolah dan luar waktu persekolahan formal.

Faktor lain, kegagalan murid mematuhi arahan kuarantin di asrama, mereka yang bergejala lewat dikesan dan masih hadir ke sekolah, kegagalan pembersihan dan disinfeksi segera dan berkala di tempat tumpuan ramal seperti kantin dan ruang kelas, serta sistem pengudaraan kurang memuaskan.

Apa yang mengkususkan, peningkatan kes dikatakan juga berkait rapat keperluan pelajar sekolah hadir secara bersemuka tanpa ada lagi

sistem penggiliran seperti sebelum ini.

Pelaksanaan hadir tanpa penggiliran ini meningkatkan risiko jangkitan lebih-lebih lagi apabila kapasiti bilik darjah atau dewan kuliah dipenuhi semula berbanding separa penuh ketika penggiliran.

Ketidakupayaan penjarakan fizikal ketika semua hadir ditambah berada dalam tempat tertutup yang kurang kelancaran pengaliran udara seperti bilik hawa dingin dalam tempoh hampir separuh hari, sudah pasti mengundang kebarangkalian tidak diingini.

Keadaan ini sememangnya benar, khususnya bagi kanak-kanak. Walaupun berkali-kali diberi peringatan, sudah menjadi lumrah mereka terlupa nasihat.

Pelitup muka kemas dipakai pada awal tiba ke sekolah sama ada lunyai atau sengaja ditanggal kerana tidak selesa memakainya berjam-jam. Ibu bapa pula gagal membekalkan pelitup muka tambahan untuk digunakan.

Seeloknya mungkin pelitup muka boleh ditukar baru selepas waktu rehat. Pemakaian pelitup muka yang sama bagi tempoh lama turut mengundang risiko masalah kesihatan lain. Pihak sekolah boleh bekerjasama menyediakan tabung bekalan pelitup muka untuk kegunaan warga.

Tinjauan rambang di beberapa sekolah mendapati penilaian risiko jangkitan semakin tinggi dan sukar dikawal pada waktu tamat sesi persekolahan harian. Ibu bapa atau penjaga berkampung di luar pintu keluar sekolah untuk mengambil anak jagaan mereka.

Kelibat anak berpusu-pusu melenyapkan penjarakan fizikal yang sepatutnya disebab-

kan ketiadaan sistem pengambilan sistematik. Ketidakperluan atau ketiadaan kod imbasan MySejahtera di kawasan mengambil ini juga merencatkan proses pengesanan kontak sekiranya ada dalam kalangan mereka yang positif.

Bas atau van sekolah pula sesak dan melebihi kuota sepatutnya. Keengganan disebabkan kos operasi tinggi mendorong pengusaha bas dan van sekolah meminimumkan trip dengan memaksimumkan jumlah pelajar dibawa.

Pemantauan terhadap keselamatan sendiri ketika menaiki kenderaan ini juga diragukan, lantas kebarangkalian terkena jangkitan lebih tinggi.

Di asrama, peringatan pemuatan SOP dan keselamatan sendiri amat penting lebih-lebih lagi di kawasan tumpuan seperti dormitori bilik tidur, dewan makan dan gelanggang sukan.

Mereka yang tidak sihat atau mempunyai gejala harus dimaklumkan kepada warden supaya dapat dikuarantin segera bagi mengelak penularan berantai.

Bagi yang berusia lebih 12 tahun, risiko terkena jangkitan dan impak jangkitan boleh dikurangkan sekiranya mereka lengkap dos asas dan penggalak vaksinasi. Namun, bagi yang masih belum mendapat sebarang dos, risiko ini amat ditakuti.

Walaupun Program Imunisasi COVID-19 Kanak-Kanak (PICKids) untuk yang berusia lima hingga 12 tahun hanya bermula awal bulan ini, pelan tindakan pencegahan menyeluruh perlu dipertingkatkan bagi menyekat penularan, khususnya ancaman varian terbaharu terhadap golongan masih bersekolah ini.

4 February 2022

by: Dr Noorita Mohammad

Kerjasama bantu jayakan agenda kelestarian alam

Noorita Mohammad

UiTM Puncak Alam

Pembangunan amat diperlukan untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan manusia. Namun,

keghairahan dalam mengejar pembangunan yang pesat sering kali menyebabkan aspek kelestarian alam sekitar kurang diberikan perhatian.

Untuk mencapai tahap kehidupan yang lestari, pembangunan bukan sahaja perlu dilakukan dari aspek ekonomi dan sosial, alam sekitar juga perlu diberi perhatian penting. Hal ini kerana alam sekitar yang sihat dapat mempengaruhi kesejahteraan dan kesihatan manusia selain fungsinya sebagai habitat haiwan dan tumbuhan semula jadi.

Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar perlu dipertimbangkan dengan lebih serius dalam setiap aktiviti ekonomi. Apatah lagi dengan penambahan bilangan penduduk dan bilangan rumah yang dibina, pembangunan kawasan perumahan perlu mengambil kira semua hal ini, selain sistem perparitan yang bersesuaian.

Kefahaman mengenai penjagaan alam sekitar adalah penting kerana ia dapat membantu mengekalkan kelestariannya. Penjagaan alam sekitar membolehkan sebuah kawasan perumahan bersih dan selamat untuk didiami.

Kelestarian alam sekitar itu menekankan mengenai keseimbangan aktiviti sosial dan ekonomi manusia serta kesannya terhadap persekitaran. Ia bukan hanya untuk generasi semasa, tetapi juga akan datang.

Justeru, ubahlah sikap dan gerakkan kerjasama yang baik ke arah meningkatkan kelestarian alam sekitar.

9 February
2022

by: Azam Osman
Alumni FBM, BBA (Hons)
Operation Management



16 TAHUN MEMBINA JENAMA

Azam utama hasli seni sebagai strategi
kukuh kedudukan dalam industri fesyen

FOKUS

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediaprima.com.my

"Di dalam perniagaan fesyen, kita tidak boleh meletakkan keuntungan itu menjadi 'pendahulu', tetapi kerja seni itu di hadapan," jelas pereka dan usahawan fesyen berusia 43 tahun itu kepada penulis.

Selama 16 tahun membina jenamanya dalam industri berkenaan, bagi Azam Osman strategi memainkan peranan penting untuk mengukuhkan kedudukannya.

Berkecualan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Pengurusan Operasi dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam pada 2004, Azam terus mendalami bidang tekstil selama tujuh tahun bermula sebagai pemborong tekstil khususnya dari China dan Thailand.

Selepas itu, Azam nekad memulakan jenama Azammoff dan membuka butik pertama beliau pada 2011 di Shah Alam, Selangor.

Sehingga kini, jenama beliau sudah digayakan ramai profesional, selebriti dan golongan kenamaan termasuk kerabat diraja dari luar negara.

> 38



RONA pastel menjadi pilihan dalam sentuhan Azam.



PELBAGAI corak yang ditawarkan.



ANTARA sentuhan klasik yang dimodenkan.

UTAMA ELEMEN EKSKLUSIF

Azam peka dengan rona yang sentiasa menjadi perhatian dalam pasaran

DARI MUKA 37

Azam mengakui industri fesyen tempatan sememangnya pesat membangun. Tidak dinafikan persaingan dalam kalangan rakan-rakan industri juga begitu kompetitif.

"Namun, kita sebagai pemain industri perlu tahu kekuatan diri masing-masing dan sasaran kepada pelanggan itu sendiri.

"Misalnya, saya mempunyai minat dalam industri fesyen batik, jadi saya perlu mencari kelainan supaya pelanggan dapat mengetahui keistimewaan yang ada pada jenama saya," katanya.

Mempunyai kepakaran dalam corak batik blok, Azam memancing inspirasi daripada alam semula jadi yang sememangnya sinonim dengan corak tradisional.

Jelasnya, dia mengekalkan corak yang mempunyai identiti tradisional dalam batik, tetapi perlu bijak mengadunikan dengan selera pembeli ketika ini yang mahu kelihatan moden dan praktikal.

"Pertama, meskipun bermain dengan corak tradisional, tetapi saya perlu menjadikannya

AZAM mempunyai strategi dalam mengukuhkan jenama dalam industri fesyen.



FOTO: IHSAN AZAM OSMAN

lebih eksklusif dan tidak menjualnya dengan jumlah yang banyak.

"Ini kerana saya menyasarkan kepada pembeli dalam segmen kelas pertengahan dan ke atas. Mereka ini kebanyakannya mahukan sesuatu yang elegan dan mempunyai nilai eksklusif.

Jadi, sebagai usahawan fesyen saya perlu peka mengenainya," katanya.

Jelasnya, pemakaian batik itu sendiri mempunyai etika tersendiri, jadi sebagai pereka fesyen dia perlu memahami personaliti dan acara yang akan dihadiri si pemakai.

"Apabila kita mempunyai pelanggan dalam segmen ini, mereka biasanya adalah golongan yang berada dalam etika pemakaian.

"Jadi, saya perlu memahami kesesuaian pakaian yang reka itu dengan acara supaya tidak melanggar etika dan praktikal untuk mereka. Dalam masa sama, elemen eksklusif dan elegan tetap diberi keutamaan," katanya.

Tambahnya, dia juga perlu peka dengan rona yang sentiasa menjadi perhatian dalam pasaran. Justeru, pengenalan warna

pastel misalnya mampu menarik perhatian.

"Sebagai pereka fesyen saya perlu menjaga identiti fesyen itu sendiri iaitu menjaga tradisinya, tetapi kita juga perlu faham kepada kehendak pasaran yang mahukan sesuatu yang segar.

"Jadi, pada hemat saya tidak menjadi kesalahan jika mengolah sesuatu yang mengikut gaya terkini, tetapi tidak melupakan keasliannya dengan bermain rona yang lebih 'trendy'," katanya.

Sebagai peminat pakaian tradisi, Azam juga melihat pakaian itu mempunyai peminatnya tersendiri dan golongan muda ketika ini mula menjadikannya sebagai pakaian harian.

"Trend pakaian tradisional mula kembali menambat hati pembeli kerana pereka fesyen sudah mula menjadikannya lebih praktikal dengan situasi semasa.

"Perkara ini bermaksud, kita ambil konsep asasnya, tetapi diolah menjadi lebih praktikal dalam gaya itu supaya ia boleh disarungkan dalam pelbagai masa dan acara," katanya.

Ditanya mengenai cabaran, Azam berkata, ketika ini banyak usahawan fesyen yang terlalu mengejar keuntungan, tetapi mengetepikan 'penghargaan' kepada seni fesyen itu sendiri.

"Misalnya, kita boleh lihat jika satu corak itu dihasilkan, terdapat usahawan fesyen yang cuba meniru dan ia sesuatu perkara yang sebenarnya tidak wajar berlaku.

"Saya sendiri pernah berdepan situasi ini apabila ada pihak yang meniru corak batik blok dihasilkan oleh jenama saya. Mereka sekali gus, menipu pembeli," katanya.

Katanya, untuk terus kekal lama dalam industri fesyen keaslian sentuhan seni itu amat penting kerana ia dapat dihargai oleh peminatnya.

"Disebabkan itu, saya katakan seni perlu di hadapan dan keuntungan akan menyusul," katanya mengakhiri perbualan.

10 February 2022

by: Datuk Johary Anuar
Alumni FBM, BBA (hons)
Operation Management

Look for solutions, says new Subang Jaya mayor

By C.Y. LEE
chenyoong@thestar.com.my

NEWLY-APPOINTED Subang Jaya mayor Datuk Johary Anuar wants to focus on getting results, instead of setting arbitrary benchmarks like the first 100 days.

Johary, the former Petaling Jaya City Council (MBPJ) deputy mayor and more recently Petaling district officer, was sworn in as Subang Jaya's second mayor on Tuesday.

He was quick to point out that he was already familiar with Subang Jaya and its ongoing issues, adding that he would draw from his experience to advance the city and surrounding areas.

In his inaugural address to the councillors and department heads, he urged them to work towards solutions to problems without delay.

"If there are any pressing issues, we can get straight to making arrangements and execute them," he said after the swearing-in ceremony at the Subang Jaya City Council (MBSJ) headquarters.

Johary said the city council's drop in revenue last year to RM14mil compared to RM273mil in 2020 needed to be addressed.

He also acknowledged the effects



Johary is keen to explore how the council can help keep residents safe during emergencies.

of the Covid-19 pandemic on Subang Jaya residents and businesses, noting that it had affected many livelihoods.

"I will need a clear picture of our revenue collection as this is my priority.

"We will look into ways to improve tax collection as well as non-tax revenue as this will play a vital role to ensure we have a sustainable income.

"As the local authority, we need

to consider all the aspects to ensure we can be sustainable while providing effective service to residents," he said.

He said MBSJ had a good record in terms of urban service delivery, adding that he hoped to implement what had been planned.

Johary is also keen to explore ways how MBSJ can help keep residents safe during emergencies.

Referring to the floods last December, he spoke about the chal-

lenges of climate change and the idea of developing an alert system to inform residents of bad weather or potential disasters.

"We must learn the right lessons from these episodes and allow them to guide our approach in developing the city.

"For example, there is no use for strategic plans if they are unable to help us meet the challenges in the real world," he said.

Johary, 48, brings with him 13 years of experience in administrative management and development.

He holds a Diploma in Public Administration from the National Institute of Public Administration and graduated from UiTM Shah Alam with a Business Administration Operations Management Degree.

He went on to obtain a Master's Degree in Urban Management from the Technical University of Berlin.

He was the Selangor State Economic Planning Unit Local Authority Section deputy director from 2012 to 2015 before being appointed Petaling Jaya deputy mayor from 2015 to 2020, and then Petaling district officer in 2020.

12 February 2022

by: Mohd Faizol Rizal Mohd Rasid
& Dr. Mohd Hafiz Zulfakar

Segerakkan usaha ringan beban pemilik kenderaan terjejas banjir



Oleh Mohd Faizol Rizal Mohd Rasid dan Dr Mohd Hafiz Zulfakar
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Fakulti
Pengurusan dan
Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UTM)

Tragedi banjir besar melanda Lembah Klang dan beberapa negeri penghubung tahun lalu yang disifatkan banjir terburuk dalam sejarah negara, turut menyebabkan kerosakan harta benda dengan lebih 50,000 kenderaan rosak dan musnah ditenggelami air.

Banjir besar itu merekodkan kerugian keseluruhan RM6.1 bilion, iaitu bersamaan 0.4 peratus berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Ketua Perangkawan Negara, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin mendedahkan jumlah kerugian tertinggi direkodkan disebabkan kerosakan kediaman, iaitu RM1.6 bilion; kenderaan (RM1 bilion); sektor pembuatan (RM0.9 bilion); premis perniagaan (RM0.5 bilion); pertanian (RM90.6 juta) dan aset awam serta infrastruktur (RM2 bilion).

Laporan Khas Impak Banjir di Malaysia 2021 oleh Jabatan Perangkaan juga melaporkan tiga negeri mencatatkan kerugian tertinggi bagi kerosakan kenderaan ialah Selangor yang mencatatkan RM855 juta; Pahang (RM78.2 juta) dan Negeri Sembilan (RM18.2 juta).

Walaupun sudah lebih sebulan bencana berlaku, masih ramai mangsa banjir yang juga pemilik kenderaan tidak mampu menghantar kenderaan rosak ke bengkel untuk dibaiki kerana kos baik pulih sangat tinggi dan membebankan.

Malah, ada dalam kalangan pemilik kenderaan menangguhkan kerja baik pulih kenderaan meskipun sudah dihantar ke bengkel berdekatan kerana tidak mampu menyediakan perbelanjaan besar seperti diminta pengusaha bengkel.

Menurut laporan Persatuan Automotif Malaysia (MAA), purata kos pembaikan kenderaan terjejas sepenuhnya akibat banjir dianggarkan boleh mencecah hingga RM90,000 dan lebih tinggi jika membabitkan jenama premium. Selain tahap kerosakan dan jenama kenderaan, anggaran kos pembaikan juga ditentukan pihak bengkel.

Terdapat juga laporan sesetengah bengkel tidak mengehendkan kemasukan kenderaan perlu dibaik pulih hingga menyebabkan kenderaan dihantar tidak dapat dibaiki dalam tempoh dijanjikan.

Ini mengundang rasa tidak puas hati pemilik

kenderaan dan menimbulkan kesulitan kerana ada antara mereka hanya memiliki satu kenderaan hingga terpaksa menyewa atau meminjam kenderaan untuk tujuan bekerja serta urusan peribadi.

Oleh itu, Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menggesa Bank Negara supaya mendesak syarikat insurans untuk memansuhkan Endorsement 106 dan istilah bengkel panel daripada polisi perlindungan kereta persendirian.

Presiden FOMCA, Profesor Datuk Dr N Mari-muthu, berkata langkah itu amat penting bagi memberi kebebasan kepada pemilik kenderaan untuk membuat pilihan terhadap mana-mana bengkel berdaftar di bawah Skim Pembaikan Diluluskan Persatuan Insurans Am Malaysia (PARS).

Kewujudan Endorsmen 106 terkandung dalam polisi perlindungan kenderaan boleh dikatakan sebagai skim perniagaan tidak sihat kerana terdapat syarat dikenakan seperti pemilik hanya boleh menghantar kenderaan untuk dibaiki di bengkel panel syarikat insurans sahaja seperti tertakluk di bawah skim PARS.

Meskipun pemilik kenderaan mempunyai bengkel pilihan tersendiri, mereka dinafikan kebebasan hak memilih kerana 'endorsement' dilihat bertentangan dengan hak pengguna. Tidak dinafikan, sebagai pemilik kenderaan sudah tentu mereka inginkan bengkel mudah untuk berurusan. Selain faktor bengkel berhampiran tempat tinggal, servis dan kualiti terbaik, cepat dan pantas pasti menjadi pilihan.

Jika dilihat dari sudut positif, langkah ini dianggap terbaik dengan mengambil kira keadaan semasa. Dengan keadaan mendesak, ia dilihat mampu memudahkan urusan pemilik kenderaan membaik pulih kenderaan dengan cepat.

Selain itu, langkah ini mampu memberi peluang kepada pemilik kenderaan untuk memilih sendiri bengkel berdasarkan bajet dan kewangan mereka.

Namun, timbul beberapa persoalan dan kebimbangan jika langkah itu dilaksanakan tanpa penilaian cermat. Antaranya, kemungkinan berlaku lambakan kenderaan tersadal di sesebuah bengkel akibat jumlah diterima. Hal ini mungkin berlaku sekiranya ramai pemilik kenderaan mengambil keputusan menghantar kenderaan hanya di sesetengah bengkel yang mereka sendiri mahukan.

Terdapat juga kebimbangan hasil kerja dan mutu pembaikan kenderaan tidak memuaskan kerana pengusaha bengkel perlu menyiapkan kerja baik pulih kenderaan terlalu banyak. Kesediaan alat ganti kenderaan juga menjadi persoalan sekiranya terdapat mana-mana bengkel perlu membaik pulih kenderaan dalam kuantiti banyak.

Selain itu, kemungkinan tuntutan palsu juga tinggi sekiranya tiada lagi kawalan syarikat insurans terhadap bengkel panel mereka. Sering terjadi ada individu tidak bertanggungjawab dan terbabit dalam sindiket penipuan tuntutan insurans biasanya akan membuat rundingan harga serta saling bersetuju dengan pemilik kenderaan bagi menjana keuntungan di atas angin.

Umumnya, PARS diperkenalkan di negara ini sejak 1983. Objektif utamanya, adalah untuk meningkatkan taraf perkhidmatan bengkel baik pulih kenderaan dan memastikan kualiti serta profesionalisme bengkel dalam pembaikan kenderaan rosak. Setakat Disember lalu, Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) menguruskan sebanyak 674 bengkel PARS beroperasi di seluruh negara.

Lazimnya, setiap bengkel panel di bawah PARS perlu mendapat kelulusan PIAM dengan melepasi syarat ketat. Kelengkapan barang dan peralatan, tenaga kerja pakar serta berpengalaman, kawalan bengkel strategik, keselamatan dan kelengkapan fasiliti bengkel serta perlindungan insurans/takaful bagi melindungi bengkel dan kenderaan pelanggan ada kriteria wajib untuk tersenarai sebagai bengkel di bawah PARS.

Hal ini menjadikan semua bengkel panel di bawah PARS adalah pilihan terbaik bagi pemilik kenderaan untuk menghantar kenderaan.

Bagi tuntutan baik pulih kenderaan disebabkan kerosakan sendiri termasuk perlindungan tambahan perkhidmatan khas seperti banjir, pemilik kenderaan perlu menggunakan perkhidmatan bengkel panel diluluskan penanggung insurans mereka. Bagi tuntutan kerosakan harta pihak ketiga, pemilik kenderaan digalakkan menggunakan bengkel PARS bagi mengelakkan sebarang masalah timbul.

Antara manfaat disediakan PARS kepada pemilik kenderaan adalah termasuk tempoh jaminan selama enam bulan terhadap mutu dan hasil kerja pembaikan. Sijil jaminan ini akan dikeluarkan bengkel panel di bawah setiap syarikat insurans.

Selain memudahkan urusan dan proses tuntutan terhadap kenderaan, PARS juga bertindak sebagai badan bertanggungjawab dan boleh dirujuk pemilik kenderaan sekiranya terdapat ketidakpuasan hati dengan hasil kerja dan servis diberikan bengkel panel mereka.

PIAM juga menubuhkan dana sumbangan berjumlah RM2.43 juta bagi meringankan beban dihadapi mangsa banjir terutama pemilik kenderaan mengalami kerugian disebabkan banjir baru-baru ini.

Dana Bantuan Banjir juga ditawarkan PIAM sebagai subsidi untuk kos pembersihan mekanikal (tidak termasuk pembaikan) di mana-mana bengkel panel syarikat insurans. Ini bertujuan mempercepatkan pembayaran penyelesaian tuntutan banjir, penepian dokumentasi tuntutan mandatori tertentu, proses tuntutan dipermudahkan dan langkah pelepasan khas tambahan yang mungkin disediakan penanggung insurans individu.

Justeru, perbincangan Bank Negara bersama PIAM dan syarikat insurans perlu dilakukan segera bagi memastikan isu berbangkit diselesaikan.



21 February 2022

by: Dr. Idaya Husna Mohd

Majikan berhak arahkan pekerja jalani ujian RT-PCR

SHAH ALAM - Majikan mempunyai hak mengarahkan pekerja menjalani ujian Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) di hospital atau klinik panel bagi mengesahkan mereka benar-benar dijangkiti virus Covid-19.

Pensyarah Kanan Jabatan Perhubungan Antarabangsa dan Pengajian Pengurusan dari Universiti Teknologi Mara, Dr Idaya Husna Mohd berkata, pekerja boleh berdepan tindakan salah laku sekiranya didapati sengaja melaporkan dirinya positif Covid-19 melalui ujian Antigen Rapid Test Kit (RTK Antigen) dalam aplikasi MySejahtera dengan tujuan mahu bercuti kerja.



IDAYA HUSNA

"Mereka juga boleh dipecat sekiranya terbukti bersalah melalui siasatan dalaman yang dilakukan.

"Mengikut Seksyen 14 (1), Akta Kerja 1955, pekerja mesti diberikan siasatan yang sewajarnya sebelum apa-apa tindakan boleh diambil oleh majikan atas sebab salah laku.

"Ini juga melibatkan isu integriti pekerja dalam melaporkan kesahihan sesuatu perkara yang seterusnya melibatkan rangkaian pihak lain," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar pernah memaklumkan individu bergejala yang didapati positif selepas menggunakan RTK-Ag

tidak perlu melakukan ujian pengesahan RT-PCR.

Sebaliknya, keputusan itu boleh terus dilaporkan ke dalam MySejahtera namun situasi itu dikhuatiri boleh dimanipulasikan pekerja yang sengaja melaporkan dirinya positif Covid-19 dengan tujuan mahu bercuti kerja.

Idaya Husna berkata, secara amnya, mengikut Akta Kerja 1955, seseorang pekerja berhak mendapat cuti sakit selepas pemeriksaan dan cadangan oleh

pengamal perubatan berdaftar yang dilantik oleh majikan atau mana-mana pengamal perubatan berdaftar yang kebiasaannya ditanggung majikan.

Bagaimanapun, katanya, tidak berbaloi untuk seseorang pekerja menipu keputusan ujian RTK Antigen yang boleh mengakibatkan mereka berhadapan dengan tindakan salah laku dalam organisasi.

"Justeru, pekerja dinasihatkan berbincang dengan majikan tentang pembahagian tugas dan masa tugasan sekiranya berasa tertekan atau tugasan yang terlalu banyak.

"Pekerja yang bertindak sedemikian (menipu) dipengaruhi pelbagai faktor.

"Oleh itu terdapat keperluan besar untuk menggubal dasar yang lebih strategik bagi meningkatkan kepuasan pekerja, di samping membantu majikan dan memudahkan pembangunan ekonomi negara," jelas beliau.

24 February 2022

by: Mohd Faizol Rizal Mohd Rasid



MEROKOK adalah antara punca kepada masalah kesihatan pada hari ini.

Semakin ramai orang muda berpenyakit kritikal

SAUDARA PENGARANG,

DALAM kesibukan seharian, kita sering kali terlupa untuk memastikan tahap kesihatan sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Perubahan gaya hidup yang lebih pantas dan mencabar pada hari ini sedikit sebanyak menyumbang kepada peningkatan masalah kesihatan dalam kalangan masyarakat. Ketidakseimbangan dalam menjalankan aktiviti harian memberi kesan negatif kepada tahap kesihatan. Pengambilan makanan secara tidak sihat, merokok, tidak melakukan aktiviti sukan dan riadah, tidak berehat secukupnya serta gagal menangani stres adalah antara punca kepada masalah kesihatan pada hari ini. Lazimnya, masalah kesihatan seperti penyakit kritikal sering dikaitkan dengan golongan yang lebih berusia. Tetapi pada hari ini, semakin ramai golongan muda dilaporkan menghidap penyakit kritikal seperti jantung, kencing manis dan darah tinggi. Menurut Kementerian Kesihatan, tahap kesedaran yang rendah terhadap aspek kesihatan dalam kalangan masyarakat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang tidak sihat. Diuji dengan musibah seperti penyakit kritikal bukan sahaja meninggalkan kesan negatif terhadap fizikal dan emosi, bahkan boleh mengganggu-gugat kestabilan kewangan. Dengan peningkatan kos rawatan perubatan pada hari ini, sudah tentu kita tidak mahu diuji dengan keadaan sebegini. Perancangan dan persediaan awal seperti mengambil perlindungan penyakit kritikal adalah langkah terbaik untuk melindungi diri daripada sebarang risiko yang tidak diduga. Sebagai contoh, kita mungkin tidak dapat meneruskan pekerjaan sekiranya didiagnosis menghidap penyakit kritikal dan akhirnya kehilangan sumber pendapatan. Dengan adanya manfaat daripada perlindungan penyakit kritikal, ia boleh dijadikan sebagai pengganti pendapatan. Umumnya, manfaat utama perlindungan penyakit kritikal memberi pampasan

sekiranya didiagnosis dengan salah satu penyakit kritikal yang dilindungi di bawah polisi insurans/sijil takaful. Berbeza daripada manfaat perlindungan perubatan yang hanya menanggung kos rawatan perubatan di hospital, perlindungan penyakit kritikal menyediakan sejumlah wang tunai sebagai pampasan kepada orang yang dilindungi. Pampasan ini boleh digunakan untuk menampung segala perbelanjaan termasuk keperluan harian dan tidak terhad kepada rawatan perubatan di hospital sahaja. Penting mengetahui perlindungan penyakit kritikal yang ditawarkan oleh syarikat insurans/pengendali takaful di Malaysia adalah berbeza. Kebiasaannya, skop perlindungan yang ditawarkan adalah berbeza dan bergantung kepada tahap penyakit kritikal yang dialami sama ada di peringkat awal, pertengahan atau akhir. Perlindungan penyakit kritikal yang berpatutan dan mampu milik merangkumi penyakit kritikal yang utama seperti serangan jantung, penyakit paru-paru, kanser, kegagalan buah pinggang dan hati, strok, penyakit arteri koronari, pembedahan injap jantung, angioplasti serta rawatan invasif yang lain. Bagi individu yang mahukan perlindungan penyakit kritikal komprehensif, disarankan merujuk dan berbincang dengan mana-mana pengantara syarikat insurans/pengendali takaful bagi skop perlindungan lebih meluas. Secara prinsipnya, jumlah perlindungan penyakit kritikal yang sesuai dan berpatutan haruslah sekurang-kurangnya menyamai tiga kali jumlah gaji tahunan. Umumnya, semakin lanjut usia ketika memohon, semakin tinggi kadar bayaran premium yang akan dikenakan. Justeru, sediakanlah payung sebelum hujan.

MOHD. FAIZOL RIZAL MOHD. RASID
Universiti Teknologi Mara (UiTM)
Kampus Puncak Alam

Hikmah di sebalik malapetaka

SAUDARA PENGARANG,

PANDEMIK Covid-19 membawa malapetaka terbesar kepada industri makanan dan minuman di negara ini. Antara 20 hingga 30 peratus restoran tutup perniagaan sejak wabak itu bermula pada awal 2020. Walaupun terdapat pelbagai sekatan untuk makan secara terbuka di restoran sepanjang tempoh pandemik, kajian mendapati 50 peratus pelanggan masih mengekalkan keutamaan mereka untuk makan di luar. Ini membuka ruang kepada pengusaha restoran dan gerai makanan menawarkan kaedah baharu agar terus bertahan dan pada masa sama memastikan keperluan pelanggan walaupun tidak makan di restoran. Alternatif itu adalah menggunakan aplikasi penghantaran makanan dalam talian. Semasa pandemik, aplikasi terbabit membantu industri restoran dan katering bertahan. Dalam pada itu, aplikasi sedemikian membolehkan pelanggan menganalisis kualiti perkhidmatan bermula dengan memesan dan berakhir dengan pengalaman terhadap kualiti penghantaran dan produk. Malapetaka ini membolehkan kedai makan mengembangkan perniagaan ke platform digital dengan membolehkan pelanggan memesan makanan secara mudah dan menyediakan pelbagai pilihan. Mencipta sistem atau aplikasi dalam talian mereka sendiri akan menyebabkan pelaburan modal yang besar. Oleh itu, usahawan mikro dalam industri perkhidmatan makanan memilih mengguna pakai aplikasi mudah alih penghantaran makanan yang ada. Aplikasi yang disediakan pihak ketiga membolehkan pelanggan meneroka menu, membuat pesanan dan menghantar makanan ke pintu rumah. Pelanggan dimanjakan dengan pelbagai pilihan kerana mereka boleh memesan daripada banyak menu menggunakan satu aplikasi. Jelas sekali, landskap industri makanan di Malaysia telah berubah akibat Covid-19.

MOHAMMAD NOORIZZUDDIN NOOH
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



APLIKASI penghantaran makanan dalam talian membolehkan industri restoran bertahan ketika Covid-19. - UTUSAN/MOHAMMAD FIRDAUS AMRAN

23 February 2022

by: Dr. Mohd Rahim Khamis

Isu gaji minimum perlu penyelesaian komprehensif



Pensyarah
Kanan Jabatan
Ekonomi dan
Pengajian
Kewangan,
Universiti
Teknologi
MARA (UITM)
Puncak Alam

Oleh Dr Mohd Rahim Khamis
bhrencana@bh.com.my

Sebelum penghujung tahun ini, pekerja di negara ini akan menikmati penetapan kadar gaji minimum baharu, iaitu sekitar RM1,500 seperti dimaklumkan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan.

Pengumuman ini memberi semangat dan sinar kepada semua pekerja ketika ramai terkena secara langsung atau menerima tempias daripada COVID-19.

Kali terakhir kadar gaji minimum dinaikkan adalah melalui pembentangan Belanjawan 2020 apabila kerajaan bersejua menambah RM100, iaitu daripada RM1,100 ke RM1,200 sebulan. Ia berdasarkan Perintah Gaji Minimum 2020, Seksyen 23 Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 (Akta 732).

Di sebalik pengumuman kenaikan gaji minimum terbaru, sudah semestinya memberi pelbagai implikasi bukan sahaja kepada pekerja, malah majikan atau penggerak industri.

Pekerja menyambut baik berita ini kerana dapat menyuntik kestabilan ekonomi individu dan keluarga. Kenaikan gaji minimum ini membantu pekerja meningkatkan lagi keupayaan berbelanja dan membeli, seterusnya memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Dengan kenaikan gaji minimum ini juga membolehkan pekerja menyumbang kepada lebihan kewangan dan meningkatkan agregat simpanan.

Dengan kenaikan harga barang tidak menentu ditambah sara hidup tinggi, terutama di bandar besar, sumber kewangan mereka banyak dibelanjakan untuk memenuhi keperluan asas.

Akhirnya tiada lebihan sumber kewangan untuk disalurkan kepada simpanan yang mungkin pen-

ting untuk diguna ketika kecemasan dan keperluan masa hadapan.

Lebih teruk, COVID-19 melanda dunia menyebabkan kerajaan terpaksa melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac 2020 hingga ramai kehilangan pekerjaan dan ada juga dipotong gaji. Walaupun kerajaan memberi moratorium dan membenarkan pengeluaran wang simpanan KWSP, ia tidak sangat membantu kepada mereka yang terkesan.

Diakui, reaksi berbeza diberikan majikan kerana mereka berada dalam persimpangan dilema antara mengikuti arahan kerajaan dengan menstabilkan ekonomi syarikat selepas terkesan susulan penularan COVID-19.

Namun, kenaikan gaji minimum yang melalui proses perundangan itu agak sukar diingkari. Ini ditegaskan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Datuk Abdul Halim Mansor ba-



Pekerja menyambut baik kenaikan gaji minimum, namun kebanyakan majikan masih belum bersedia. (Foto hiasan)

hawa kenaikan gaji minimum termaktub dalam undang-undang akan disemak setiap dua tahun mengikut kadar indeks pengguna, aspek ekonomi semasa dan inflasi.

Walaupun ada undang-undang menyatakan sedemikian, perbincangan dan rundingan bersama kerajaan dan majikan boleh dilakukan terutama pada masa ini.

Kebanyakan majikan belum bersedia melaksanakan kenaikan gaji minimum akibat impak COVID-19. Ekonomi syarikat baru sahaja mahu dipulihkan selepas mendapat impak pandemik dan kini dibebani pula dengan keperluan kenaikan gaji minimum pekerja.

Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman juga menyatakan kebanyakan industri negara ini tidak bersedia menaikkan gaji minimum kerana masih terkesan susulan penularan COVID-19 yang melanda negara dua tahun lalu. Ini menyebabkan majikan memerlukan sedikit toleransi daripada kerajaan.

Oleh itu, langkah mengadakan sesi perbincangan antara kerajaan, majikan dan persatuan sekerja adalah tindakan baik dalam memastikan keharmonian antara kedua-dua pihak. Apa juga keputusan diambil, ia mesti dilaksanakan secara holistik dengan kedua-duanya akan mendapat manfaat dan tidak terbeban.

Tindakan itu umpama menang-menang kerana seandainya hanya pekerja mendapat manfaat, sedangkan majikan rasa terbeban sudah semestinya akan memberi kesan tidak baik.

Justeru, dalam merealisasikan gaji minimum, semestinya memerlukan pandangan pelbagai pihak. Buah fikiran daripada penggerak industri, kesatuan pekerja, pakar ekonomi dan mereka terbahit amat ditagih dalam mencari penyelesaian komprehensif agar dapat membantu kerajaan membuat keputusan tepat.

23 February 2022

by: Dr. Mohd Rahim Khamis

Tingkat disiplin rakyat bendung COVID-19

Dr Mohd Rahim
Khamis
UTM Puncak
Alam, Kampus
Selangor

Senario terkini COVID-19 dalam negara menunjukkan peningkatan jangkitan amat ketara yang melonjak melebihi 20,000 kes sehari.

Perkembangan berkenaan amat membimbangkan banyak pihak kerana khuatir jika sekatan dilaksanakan semula seperti sebelum ini dalam usaha membendung penularan virus.

Namun kerajaan sudah memberi jaminan tidak akan melaksanakan sekatan pergerakan seperti sebelum ini, sebaliknya mengetatkan lagi prosedur operasi standard (SOP).

Mengikut SOP sedia ada sebelum ini apabila ada yang menjadi kontak rapat dengan individu positif COVID-19, mereka diwajibkan menjalani kuarantin sendiri bagi sesuatu tempoh ditetapkan.

Ini bagi mengesan sebarang gejala sekiranya dijangkiti. Jika dalam tempoh isolasi tiada gejala muncul maka individu terbabit bebas daripada COVID-19. Sepanjang berdepan dengan isu COVID-19, inilah SOP yang diguna pakai.

Bagaimanapun, 17 Februari lalu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin mengumumkan satu perubahan protokol berkaitan isolasi bagi mereka yang menjadi kontak rapat. Ini merujuk kepada tiada kuarantin dikenakan kepada mereka jika tidak bergejala.

Mereka sebaliknya hanya perlu melakukan ujian saringan pada hari tertentu. Protokol ini dilaksanakan dalam sektor perkhidmatan kesihatan awam.

Pengumuman itu sudah pasti menimbulkan pelbagai reaksi dan maklum balas orang ramai.

Ada yang gusar dengan pengumuman itu, tetapi ada pula berpendapat sudah sampai masa pembaharuan dilaksanakan demi persediaan peralihan ke fasa endemik.

Kegusaran yang timbul mungkin disebabkan masyarakat melihat apakah dengan perubahan protokol itu, ia mampu mengawal penularan COVID-19?

Justeru, situasi ini memerlukan satu tahap disiplin yang tinggi dalam masyarakat untuk mengawal penularan COVID-19 terutama virus Omicron.

Negara pernah melalui satu fasa dengan kes menjadi amat tinggi akibat masyarakat kurang berdisiplin mematuhi SOP.

Oleh itu, tahap pematuhan disiplin yang tinggi dalam masyarakat amat ditagih apabila perubahan protokol ini bakal dilaksanakan.

Tanpa disiplin yang tinggi, bagaimana kita dapat menjaga diri sendiri dan orang terdekat daripada terdedah virus ini.

Seandainya tiada disiplin yang tinggi dalam kalangan masyarakat, sudah tentu protokol baharu juga sukar dipatuhi kerana pengalaman dan rekod menunjukkan rakyat tetap gagal mematuhi SOP ditetapkan.

Justeru, rakyat perlu peka terhadap perubahan protokol bagi memastikan diri dan orang sekeliling berada dalam keadaan selamat, sihat dan terhindar jangkitan COVID-19.



Orang ramai digesa terus berdisiplin dalam mematuhi SOP tidak kira di mana berada bagi mengekang penularan COVID-19.

26 February 2022

by: Mohd Faizol Rizal Mohd Rasid &
Dr. Mohd Hafiz Zulfakar

Usah abai kepentingan insurans, takaful ketika melancong

Oleh Mohd Faizol Rizal Mohd Rasid dan
Dr Mohd Hafiz Zulfakar
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Fakulti
Pengurusan dan
Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UTM)
Kampus
Puncak Alam

Cuti penggal akhir sekolah sudah bermula. Lazimnya ia menjadi waktu ditunggu-tunggu pelbagai industri terutama pelancongan. Ia juga biasanya masa dinanti-nanti Keluarga Malaysia untuk bercuti bersama ke destinasi pelancongan.

Penggerak industri pelancongan sama ada pengusaha hotel, homestay atau inap desa pasti sudah 'berkira-kira' perolehan yang mungkin dapat dijana apabila orang ramai bercuti.

Tempoh cuti penggal tiga minggu ini dijangka merancakkan kembali industri pelancongan yang hampir lumpuh sejak 2020 akibat penularan COVID-19.

Justeru, sejak pengumuman kebenaran rentas negeri oleh kerajaan pada suku keempat tahun lalu, industri pelancongan serba sedikit menunjukkan peningkatan dari segi permintaan dalam kalangan pelancong tempatan.

Ini menunjukkan keyakinan masyarakat terhadap usaha kerajaan, terutama keberkesanan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menangani COVID-19.

Namun, sejak ledakan varian Omicron melanda, usaha merancakkan sektor ini sedikit tersentak. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sedar kebimbangan dihadapi penggerak industri pelancongan.

Menterinya, Datuk Seri Nancy, ketika merasmikan Hari Kraf Kebangsaan 2022, Khamis lalu memberi jaminan segala aktiviti boleh dijalankan seperti biasa dengan syarat mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Sudah pasti peluang keemasan ini tidak akan disia-siakan semua, sebaliknya orang ramai boleh merancang percutian yang tertangguh bersama keluarga.

Memetik laporan *Visa Voice of Consumer*, hampir tujuh daripada 10 rakyat Malaysia menyatakan ti-

dak sabar untuk melancong. Hampir 40 peratus pula dilaporkan merancang melancong ke luar negara bermula pertengahan tahun ini.

Pembukaan sempadan antarabangsa kepada pelawat dari semua negara pada masa terdekat pula, pasti merancakkan industri pelancongan tempatan.

Namun, dalam keterujaan kita, terdapat beberapa perkara perlu diutamakan. Antaranya, keperluan menyediakan insurans atau takaful perjalanan bagi melindungi sebarang risiko tidak diingini. Perlindungan ini sering diabaikan dan boleh menyebabkan percutian berubah menjadi tragedi.

Persediaan bagi menghadapi sesuatu tidak diingini perlu diambil perhatian ketika bercuti. Polisi perlindungan perjalanan bukan saja untuk perlindungan semata-mata, bahkan banyak manfaat boleh dinikmati.

Ia memastikan kita boleh menikmati percutian dengan tenang tanpa sebarang kerisauan. Lazimnya, ia memberi jaminan perlindungan untuk kerugian, kemalangan dan apa saja bentuk kesulitan boleh menjejaskan perjalanan percutian.

Namun, ramai sering salah faham dengan perkara ini, sebaliknya berpendapat insurans atau ta-

kaful perjalanan tidak perlu diambil jika sudah memiliki insurans atau takaful perubatan.

Harus diingat perlindungan perubatan hanya melindungi kos rawatan dan perubatan di hospital, manakala insurans dan takaful perjalanan pula melindungi diri daripada sebarang risiko semasa perjalanan percutian.

Antara skop perlindungan dan manfaat sering ditawarkan syarikat insurans serta pengendali takaful ialah pampasan penuh apabila orang dilindungi meninggal dunia atau hilang upaya kekal akibat kemalangan ketika perjalanan termasuk bayaran perubatan kecemasan, perpindahan perubatan seperti perkhidmatan penghantaran pulang pesakit atau jenazah. Begitu juga, manfaat perlindungan tambahan jika menyertai aktiviti berbahaya.

Pengguna juga akan mendapat manfaat perlindungan liabiliti undang-undang pihak ketiga bagi sebarang bentuk kecederaan atau kehilangan dan kerosakan harta benda dalam perjalanan.

Di samping itu, terdapat pengendali perlindungan perjalanan menawarkan produk baharu dalam bentuk perlindungan manfaat tambahan COVID-19 dalam perjalanan.

Ini sudah pasti memberikan lebih keyakinan kepada individu untuk melancong atas jaminan perlindungan terhadap jangkitan virus ini.

Justeru, mana-mana individu yang ingin bercuti ke luar negara perlu mengambil insurans kembara untuk menjadi 'penyelamat' jika berlaku perkara tidak diingini.

Pelbagai kes membabitkan rakyat terkandas dan memerlukan banyak wang bagi menampung kos rawatan di luar negara seperti pernah dilaporkan media sebelum ini wajar menjadi pengajaran.

Namun, setiap syarikat pengendali perlindungan perjalanan menawarkan pelbagai plan perlindungan dan manfaat berbeza.

Di sini, amat penting untuk kita menyemak dengan teliti semua jenis manfaat perlindungan, pengecualian termasuk terma dan syarat polisi insurans atau sijil takaful untuk memastikan plan perlindungan itu bersesuaian dengan keperluan perjalanan percutian.



Ambil insurans atau takaful apabila bercuti ke luar negara sebagai 'penyelamat' ketika musibah.
(Foto hiasan)

27 February 2022

by: Dr. Mohd Hafiz Zulfakar

Pemantauan berterusan cegah anak dijangkiti wabak



Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Kampus
Puncak Alam

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar
bhrencana@bh.com.my

Kes positif COVID-19 membabitkan kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah dilihat semakin meningkat apabila sebanyak 50,826 kes dicatatkan dalam tempoh awal Januari hingga pertengahan bulan ini.

Kes bagi pesakit kategori dua hingga lima meningkat secara drastik bulan ini iaitu kategori dua sebanyak 34,857 kes (68.58 peratus), kategori tiga 120 kes (0.24 peratus), kategori empat 28 kes (0.006 peratus) dan kategori lima empat kes (0.001 peratus).

Kementerian Kesihatan (KKM) mendedahkan, kanak-kanak di-

jangkiti COVID-19 akan mempunyai gejala seperti batuk dan selsema berterusan lebih seminggu, bernafas laju, kurang selera makan, muntah, cirit-birit, tidak aktif seperti selalu dan demam berpanjangan. Ada juga diserang sakit dada, sakit perut serta sawan.

Jika dilihat di mana-mana kemudahan kesihatan atau klinik beberapa minggu ini, ia dipenuhi pesakit golongan umur kecil ini. Bahkan setiap hari, ada sahaja bayi dan pelajar sekolah rendah tidak hadir ke sekolah atau pusat jagaan kerana tidak sihat atau mempunyai gejala.

Umum pasti mengaitkan peningkatan ini seiring dengan penularan varian Omicron yang mudah merebak. Pertambahan ini juga ada kaitannya dengan pembukaan sekolah sejak awal tahun serta penarikan semula arahan berkerja dari rumah (BDR).

Penarikan arahan ini, sama ada sektor awam dan swasta, secara langsung mendorong ibu bapa menghantar semula anak ke pusat jagaan kanak-kanak dan bayi serta pusat transit sekolah.

Sedar tidak sedar, suasana ini mengundang kebarangkalian tinggi terjadinya jangkitan dalam kalangan golongan ini. Bilangan mereka yang ramai ditempatkan di pusat jagaan dijaga bilangan pengasuh yang terhad sekali gus tidak berupaya menghalang jangkitan sekiranya seseorang dijangkiti hadir di tempat itu.

Bagi mereka yang menggunakan khidmat pusat transit, penjaga mungkin tidak sempat memantau keadaan anak sekiranya mereka bergejala ketika bersiap untuk ke sesi sekolah seterusnya.

Tambahan pula, pada waktu transit atau tengah hari, ada kebarangkalian pematuan prosedur operasi standard (SOP) terabai, lantas memudahkan lagi penularan COVID-19.

Bagi golongan kanak-kanak yang berada pada tahap dua di sekolah rendah dan berada di rumah selepas sesi persekolahan, suasana hampir serupa mungkin terjadi. Ada yang mengunjungi rumah rakan berdekatan atau beriadah di taman permainan.

Keadaan ini pasti meningkatkan risiko apabila mereka leka dan lalai SOP pencegahan pandemik seperti penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka.

Dalam usaha membendung penularan menjadi lebih teruk ketika cuti penggal akhir persekolahan, peranan ibu bapa, keluarga dan penjaga dilihat sangat kritikal.

Anak kecil ini tidak sama seperti remaja berusia 13 tahun ke atas. Mereka perlu lebih perhatian dan kerap diberi peringatan supaya sentiasa patuh dan ingat pematuan SOP.

Bagi bayi dan mereka yang di bawah usia tiga tahun, sudah pasti mereka tidak mengerti apa yang berlaku dan perlu dilakukan. Mana mungkin mereka tahu kawalan sendiri, selain mengharapkan bantuan dan kepekaan golongan dewasa.

Mereka bergantung sepenuhnya kepada orang lain dalam usaha menjaga kebersihan dan pemantauan serta pematuan kesihatan. Kerisauan ini menyebabkan ada ibu bapa terpaksa mengambil cuti bagi menjaga anak mereka.

Saranan KKM menyeru majikan memper-

“Anak kecil ini tidak sama seperti remaja berusia 13 tahun ke atas. Mereka perlu lebih perhatian dan kerap diberi peringatan supaya sentiasa patuh dan ingat pematuan SOP”

timbang semula kelonggaran BDR bagi membendung sementara penularan Omicron di tempat kerja, turut memberi sinar positif bagi ibu bapa dalam memantau keberadaan dan keadaan semasa kesihatan anak.

Ia bukan sahaja dapat mengelakkan jangkitan, malah arahan BDR mampu membantu ibu bapa merawat anak menjalani kuarantin sendiri di rumah.

Kelonggaran BDR ini juga memudahkan ibu bapa untuk merancang temu janji anak mereka yang masih belum mendapat suntikan vaksinasi di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kanak-kanak (PICKids) bagi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun.

Kajian mendapati sekiranya golongan ini tidak divaksin segera, mereka berdepan risiko mendapat kesan jangka panjang COVID-19 dan lebih teruk boleh diserang keradangan organ dalaman.

Sekiranya tiada usaha serius dan kesedaran daripada pihak yang sentiasa bersama golongan kanak-kanak bawah 12 tahun ini, terutama ibu bapa, keluarga dan penjaga, tidak mustahil peningkatan kes positif akan melambung ke tahap luar kawalan ketika cuti penggal ini. Ini pasti merencatkan perancangan pembukaan sesi persekolahan baharu penghujung Mac nanti.

THANK YOU

to all news writers:

Dr. Hafiz Zulfakar - 4 news

Mohd Faizol Rizal Mohd Rasid - 3 news

Dr. Mohd Rahim Khamis - 2 news

Dr. Noorita Mohammad - 1 news

Dr. Idaya Husna Mohd - 1 news

**From: FBM Corporate
communication team**